

21 FEB 1999

PAS-DAP

KERJASAMA DENGAN DAP BERTUNJANGKAN KEADILAN, KATA FADZIL NOOR

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Parti PAS hari ini mempertahankan kerjasamanya dengan DAP yang berlainan fahaman dan agenda politik atas dasar sama-sama mahu menuntut keadilan dan hak asasi.

Presidennya Datuk Fadzil Noor mendakwa kini berlaku ketidakadilan di negara ini dan inilah yang mendorong parti itu bekerjasama dengan DAP.

"Sekarang ini yang menyatukan kita (PAS dan DAP) adalah soal keadilan. Dan ketidakadilan yang berlaku kini yang meletakkan kita dalam satu gabungan. Itu yang menjadi tumpuan. Kita tidak berbincang soal agenda masing-masing," katanya.

Fadzil yang juga Pengerusi Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia di sini.

PAS, merupakan satu daripada anggota Gerak bersama-sama pelbagai parti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk satu lagi parti pembangkang utama negara, DAP.

Pembentukan sebuah negara Islam merupakan perjuangan PAS manakala DAP secara terbuka menyatakan ia menentang dasar pembentukan negara Islam oleh PAS dengan alasan ia tidak sesuai di kalangan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya di Malaysia serta bertentangan dengan Perlembagaan.

Kerjasama PAS dan DAP kata Fadzil juga adalah disebabkan keinginan untuk menafikan kemenangan Barisan Nasional di dalam pilihan raya umum yang pada jangkannya akan berlaku pada bila-bila masa sekarang.

Katanya PAS bukan sahaja berminat untuk bekerjasama dengan parti politik atau NGO lain khusus menghadapi pilihan raya umum tetapi juga mana-mana kumpulan yang berminat mengubah sistem kerajaan yang sedia ada.

Ditanya mengenai kejayaan Gerak sejak ditubuhkan pada bulan September tahun lepas, beliau berkata Gerak berjaya membangkitkan kesedaran rakyat tentang hak asasi mereka di bawah undang-undang.

Beliau berkata satu bukti Gerak berjaya membangkitkan kesedaran rakyat ialah satu perhimpunan anjurannya di Terengganu pada minggu lepas menarik hadirin 100,000 orang.

Katanya Gerak akan menganjurkan lebih banyak perhimpunan dan menggesa polis supaya bersikap adil dengan memberi permit untuk menganjurkannya.

Kata Fadzil, Gerak pada Khamis depan akan mengadakan perhimpunan di Kubang Pasu dan pada Jumaat di Merbok, kedua-duanya di negeri Kedah.

Turut hadir adalah Dr Syed Husin Ali (Parti Rakyat Malaysia), Dr Chandra Muzaffar (Aliran), Ahmad Nor (DAP), Rustam A. Sani dan Mahfuz Omar (Ketua Sekretariat Gerak).

Ketua pembangkang Lim Kit Siang dalam ucapannya pada majlis itu berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menang mudah dalam pilihan raya umum akan datang.

Tetapi, katanya, barisan pemerintah akan menghadapi kekalahan teruk dalam sejarah negara -- kehilangan majoriti tradisi dua pertiganya.

Bagaimanapun, kata setiausaha agung DAP itu, untuk menafikan kerajaan Barisan Nasional majoriti dua pertiga itu memerlukan kerjasama yang belum pernah berlaku di kalangan parti-parti politik pembangkang dan kumpulan yang lain.

Di sebalik perbezaan pandangan, katanya: "kami (PAS dan DAP) bagaimanapun telah keluar daripada bedungan kami dan bersedia bekerjasama untuk kebaikan semua rakyat Malaysia.

"Kami harus menghormati kedudukan politik masing-masing -- matlamat PAS

untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam dan pendirian DAP bahawa sebuah negara Islam tidak sesuai dan tidak wajar bagi sebuah negara yang berbilang kaum," katanya.

-- BERNAMA

GM RON